



**KENALI ADUN ANDA**  
SHAFIE NGAH  
N26 Bangi

muka 6&7

**Penjadualan**  
semula air bermula  
4 April

muka 11

**YAWAS** perkenal  
Skim Khairat  
Kematian

muka 5

**Kiraan Denggi**  
Jan - 29 Mac

Jangkitan  
**14,030**

Kematian

**25**

LAPORAN PENUH MUKA 3

Menuju negeri berpendapatan tinggi

## Selangor hub MRO serantau

**PEMILIHAN** Selangor sebagai pusat menyelenggara, membaiki dan baik pulih (MRO) pesawat untuk pasaran Asia Tenggara dan rantau Asia Pasifik oleh syarikat antarabangsa, SR Technics, boleh menaikkan pendapatan per kapita rakyat, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata kilang SR Technics yang terletak di Shah Alam, serta Pusat Kecemerlangan MRO sebagai pusat latihan beliau membantu mencapai wawasan menjadikan Selangor negeri berpendapatan tinggi serta menghasilkan generasi tenaga pakar.

“Kerajaan Negeri berusaha mencipta pelbagai peluang pekerjaan inovatif di rantau ini, dan Industri MRO antara peluang merealisasikan strategi ini. Keputusan SR Technics untuk melabur di Shah Alam membantu wawasan kita,” katanya seusai menyempurnakan perasmian Pusat Senggaraan SR Technics di Seksyen 15, Shah Alam, baru-baru ini.

SR Technics yang berpangkalan di Zurich, Switzerland, bernaung di bawah jaringan Mubadala Development Co. yang berpangkalan di Abu Dhabi. Ia telah beroperasi di Selangor sejak Januari lalu. Kilangnya di Shah Alam merupakan kilang MRO pertama di Asia Tenggara dan keempat miliknya di dunia, selepas Zurich, Malta dan Abu Dhabi.

Syarikat itu mempunyai 110 kakitangan, di mana 94 peratus dari mereka adalah warganegara Malaysia.

Kira-kira 77 orang merupakan juruteknik, dan 32 dari mereka telah menjalani latihan komprehensif di Switzerland. Sekumpulan 12 orang pengurus lagi ditugaskan untuk memastikan ilmu dan

**Kerajaan Negeri berusaha mencipta pelbagai peluang pekerjaan inovatif di rantau ini, dan Industri MRO antara peluang merealisasikan strategi ini.**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar



**Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, dibawa meninjau ke bahagian operasi SR Technics oleh Pengurus Besar Sr Technics Malaysia Sdn Bhd, Heinz Freimann**

kepakaran dipindahkan kepada tenaga tempatan.

Pengurus Besar Sr Technics Malaysia Sdn Bhd, Heinz Freimann berkata pelaburan syarikatnya dalam latihan beliau merupakan pelaburan yang besar kerana ia menyediakan lebih 70,000 jam latihan untuk jurutera-jurutera SR Technics.

“Mereka yang arif mengenai perniagaan ini sedar bahawa projek seperti ini memerlukan usaha yang sangat besar. Kita mahu mewujudkan perusahaan bukan untuk satu komponen tetapi untuk 1,200 komponen,” katanya.

Kilang di Shah Alam dengan keluasan 50,000 kaki persegi itu beroperasi mengikut piawaian European Aviation Safety Agency (EASA), Federal Aviation Administration (FAA) and Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

lihat muka 2 >>

### Laksanakan WSIA, pelaburan Selangor tidak terjejas

**SHAH ALAM** - Pengambilan aset dibawah Seskyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006 di Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka membuktikan tohmahan kononnya pengambilan nanti menyebabkan pelabur lari dari Selangor adalah tidak benar sama sekali.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim juga menambah pasaran saham tidak jatuh sejak akta ini digunakan dari 2006.

“Pelabur lebih arif. Kamu (konsesi) cuba untuk memaksimumkan pendapatan sebanyak mungkin tetapi bila kita melaksanakan sesuatu undang-un-

dang kita mesti memastikan yang ia memanfaatkan rakyat,” katanya menjawab Pengurus Urusan Gamuda Bhd, Datuk Lin Yun Ling yang mendakwa penguatkuasaan Seskyen 114 WSIA akan menyebabkan pelabur lari.

Beliau menggesa semua pihak untuk menyokong penstrukturan industri air Selangor demi kepentingan rakyat seluruhnya.

“WSIA diluluskan oleh Parlimen pada 2006 dan digunakan untuk penstrukturan industri air di Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka.

“Dan kita gunakan undang-undang yang sama untuk Selangor,” katanya.



## Persaingan enam penjur

# Pemilihan Timbalan Presiden: Khalid tidak akan berundur

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim tidak gusar menghadapi persaingan enam penjur untuk jawatan Timbalan Presiden PKR.

Sebaliknya, beliau amat bersemangat dan menaruh keyakinan ahli parti akan memilih beliau berdasarkan kepada 'track record' mentadbir Kerajaan Negeri Selangor.

"Mereka boleh mempercayai saya. Kita harus dipercayai masyarakat dalam membawa perubahan.

"Salah satu perkara yang boleh saya nyatakan di sini adalah selepas lima tahun, kita

“

Itulah keistimewaan demokrasi PKR yang memberi peluang kepada semua yang berminat

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar



Abdul Khalid, berarak bersama para penyokong sewaktu menyerahkan borang pencalonan di Ibu pejabat PKR

sudah ambil dan laksanakan konsep reformasi," katanya.

Pemilihan PKR akan bermula 25 April dan berakhir pada 11 Mei ini.

Abdul Khalid dijangka menerima saingan dari empat lagi bakal calon, iaitu Datuk

Saifuddin Nasution Ismail, yang kini menyandang jawatan Setiausaha Agung PKR, reformis tegar Tian Chua yang juga Naib Presiden PKR, Datuk K Ramachandran dan Murali Subramaniam.

Jawatan itu kini dipikul

Adun Bukit Antarabangsa, Azmin Ali.

Abdul Khalid diarak para penyokong ketika menyerahkan borang pencalonan di Ibu Pejabat PKR.

Di sidang akhbar seusai mesyuarat Exco baru-baru ini,

beliau mengalu-alukan pertembungan enam penjur dari rakan-rakan seperjuangan beliau di dalam parti.

"Itulah keistimewaan demokrasi PKR yang memberi peluang kepada semua yang berminat," tegasnya.

Dari muka 1

## SR Technics beri peluang kerja untuk anak tempatan

SR Technics mempunyai 40 pelanggan di bawah jagaannya seperti Singapore Airlines, EasyJet, Qatar Airways, Aero-Mexico dan South African Airways. Ia turut menjalin kerjasama dengan Aigle Azur, Moog, Rockwell Collins, Etihad Airways, Abu Dhabi Aircraft Technologies dan Aero Asia Garuda di Indonesia.

Dalam empat tahun kebelakangan ini, jumlah kapal yang diselia SR Technics di bawah perjanjian perkhidmatan komponen bersepadu meningkat 20 peratus setiap tahun.

Manakala Pusat Kecemerlangan SR Technics untuk MRO hidraulik, pneumatik,

elektrikal, mekanikal dan panel avionik kapal terbang pula mengambil masa tiga belas bulan untuk didirikan, lengkap dengan bumbung, tingkap dan lif khas, bengkel iklim terkawal, gudang selamat, makmal dan peralatan canggih serta alat ganti dari Switzerland.

"Saya amat mengalu-alukan komitmen SR Technics mengembangkan industri MRO di Malaysia, dan komitmen mereka kepada latihan anak-anak tempatan, melalui kerjasama dengan institusi-institusi latihan teknik menghasilkan sukatan pelajaran yang memenuhi keperluan industri," kata Abdul Khalid.

## Rodziah yakin bawa perubahan dalam PKR

SHAH ALAM - Timbalan Ketua Wanita PKR, Rodziah Ismail, percaya Agenda Reformasi dapat dilaksanakan menerusi perubahan tampuk kepimpinan wanita dalam parti berkenaan.

Dengan itu, beliau yang juga Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Selangor memutuskan untuk mencabar Ketua Wanita PKR, Zuraida Kamaruddin bagi jawatan itu dalam pemilihan parti pada Mei depan.

Rodziah berkata, keputusan dibuat adalah juga dari gesaan ahli dan anggota kepimpinan wanita yang mahukan pembaharuan dalam sayap wanita parti berkenaan.

"Pengalaman dalam barisan pimpinan PKR dan pentadbiran Kerajaan Negeri menyakinkan saya akan mampu melaksanakan perubahan ini.

"Pembaharuan itu diyakini akan memberikan kesegaran dalam pengolaan agenda masa depan Wanita PKR. Saya tampil menyahutnya dengan segala iktikad dan semangat supaya segera dapat dikotakan sepertimana dikehendaki," kata Adun Batu Tiga itu.

Rodziah berkata, pertandingan itu bakal memberi peluang bagi ahli menyatakan keinginan demi kebaikan parti

ke arah pembentukan barisan kepimpinan mantap.

Gesaan daripada akar umbi itu adalah amanah bagi saya yang akan digenggam erat dan memohon supaya sering diperingatkan kepada saya secara jujur dan tulus," katanya.





# Mufti: Hanya mahkamah boleh tentukan hak waris MH370

OLEH NORFARAHIDAYU BAHARUDIN

**SHAH ALAM** - Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyas Abd Wahid (**gambar**), berkata solat ghaib kepada penumpang pesawat MH370 yang hilang tidak boleh dilakukan selagi usaha mencari sedang giat dijalankan.

Beliau berkata, apabila tiada lagi usaha pencarian, maka Kerajaan perlu mengistiharkannya dan menyerahkan kes ini kepada mahkamah untuk diputuskan.

"Oleh kerana usaha mencari masih berterusan, maka sembahyang solat ghaib tidak boleh dibuat sehing-

galah jenazah itu dijumpai tidak kira sempurna ataupun tidak," katanya.

MH370 dilaporkan hilang sejak 8 Mac lalu dan operasi pencariannya sedang giat dijalankan.

Tamyas berkata, pengesahan kematian perlu dilakukan dan ditentukan terlebih dahulu sebelum Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Sivil membuat keputusan menyenut pembubaran perkahwinan, pembahagian harta dan perkara lain yang membabitkan keluarga atau pewaris.

Bagi mereka yang beragama Islam, keluarga atau waris boleh membuat tuntutan di Mahkamah Syariah,



manakala bagi mereka yang bukan beragama Islam boleh menuntut di Mahkamah Sivil.

"Biar mahkamah yang putuskan kerana mahkamah mempunyai kepakaran dan hak untuk mengistihar-

dan melaksanakan tuntutan dalam pembahagian harta atau tuntutan pembubaran perkahwinan," katanya.

Sebelum ini, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Majlis Fatwa Kebangsaan menetapkan pelaksanaan solat jenazah ghaib untuk penumpang dan anak kapal Penerbangan MH370 tidak perlu diadakan sekarang.

Pengerusinya Prof Emeritus Tan Sri Dr Abd Shukor Husin, berkata anggota jawatankuasa sebulat suara bersetuju dan memutuskan bahawa kesemua anak kapal dan penumpang MH370 dikategorikan sebagai orang hilang (mahqud) dan diang-

gap sebagai orang yang telah meninggal dunia setelah usaha pencarian dibuat oleh pihak berkuasa.

Keputusan itu dibuat setelah berbincang dan meneliti pandangan ulama dan beberapa pakar dalam subjek berkenaan selepas muzakarah khas bersidang lebih dua jam.

Abd Shukor berkata sekiranya pasukan penyelamat menemui cebisan mayat yang tidak dikenali langsung, cebisan berkenaan wajib dikumpulkan dan dimandikan sama seperti pengurusan jenazah Islam kerana mayat berkenaan tidak dapat dikenal pasti sepenuhnya.

## Kes denggi - 25 kematian berlaku di Selangor

**SHAH ALAM** - Sebanyak 25 kematian akibat denggi di Selangor dicatatkan mulai Januari hingga 29 Mac lalu, menurut laman sesawang Jabatan Kesihatan Negeri Selangor - [www.jknselangor.moh.gov.my/](http://www.jknselangor.moh.gov.my/).

Daripada jumlah itu, Petaling dan Hulu Langat mencatatkan angka tertinggi dengan lapan kematian diikuti Klang (empat), Gombak (tiga) serta Kuala Selangor dan Hulu Selangor masing-masing satu.

Setakat ini jumlah kes berlaku direkodkan di seluruh Selangor adalah 14,030 kes dalam suku pertama tahun ini.

Sumber jabatan melaporkan sejumlah suku pertama tahun ini mencatatkan lebih 11,077 kes berbanding 2,953 kes tahun lalu, dan pertambahan mendadak ini amat membimbangkan.

Petaling mendahului daerah lain dengan 5,888 kes diikuti Hulu Langat (3,531), Klang (2,218), Gombak (1,759), Kuala Langat (226), Hulu Selangor (134), Kuala Selangor (114), Sepang (87) dan Sabak Bernam (73).

Sebanyak 928 kes berlaku pula direkodkan dalam minggu terakhir suku pertama tahun ini (23 hingga 29 Mac).

### Nombor Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Daerah dan Negeri Selangor

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	NOMBOR BILIK GERAKAN
Petaling	03-78047709 (Vektor) 03-78030106 (CDC)
Gombak	03-61373001 (Vektor)
Klang	03-33239436 (CDC)
Hulu Langat	03-87397903/04/05 (Vektor) 03-87367770 (CDC)
Kuala Langat	03-31801673 (Vektor)
Hulu Selangor	03-60644852 (Vektor) 03-60644105 (CDC)
Kuala Selangor	03-32892500 (Vektor)
Sabak Bernam	03-32161411 (Vektor) 03-32243010 (CDC)
Sepang	03-37066001
Pelabuhan Klang	03-31654006
Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA)	03-87768399
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor	03-51237251/52 (Vektor) 03-51237366/67 (CDC)

Sebarang aduan berkenaan penyakit berjangkit sila hubungi talian tertera di atas

**Hari bekerja : 8.00 pagi - 5.00 petang**  
**hari cuti : 9.00 pagi - 3.00 petang**

Jabatan Kesihatan Selangor turut menasihatkan masyarakat memberikan kerjasama dengan menghubungi jabatan atau bilik gerakan Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh Selangor un-

tuk membuat laporan.

Orang ramai diminta mengambil langkah perlu dan menjaga kebersihan dalam menghindari wabak demam denggi itu.



Aktiviti kawalan dan pencegahan denggi terus dipergiat

### KESDAFTARDENGGI MELALUI UJIAN MAKMAL BAGI NEGERI SELANGOR (SEHINGGA 29 MAC 2014)

DAERAH	ME 13/2014	KUMULATIF 2014	KUMULATIF KEMATIAN
Gombak	264	1759	3
Hulu Langat	124	3531	8
Hulu Selangor	6	134	1
Klang	116	2218	4
Kuala Langat	13	226	0
Kuala Selangor	2	114	1
Petaling	395	5888	8
Sabak Bernam	3	73	0
Sepang	5	87	0
<b>JUMLAH</b>	<b>928</b>	<b>14030</b>	<b>25</b>

## Ayuh, gilap kembali semangat Reformasi

Pada 1998, laungan Reformasi lantang bergema.



Selangorkini  
EDITORIAL

Dan melantun ke segenap jiwa. Semangat itu terus mekar menjalar hingga akhirnya banyak negeri jatuh ke tangan pembangkang pada Pilihan raya Umum (PRU) ke-11, 12 dan 13.

Maka, pembangkang tidak hanya membangkang, sebaliknya mentadbir negeri. Dan mereka membuktikan pembangkang bukan hanya tahu berteriak dari jalan raya, sebaliknya cekap mentadbir secara telus dan bersih.

Hasilnya, semakin ramai rakyat memberi sokongan hinggakan lebih separuh pengundi, iaitu 52 peratus memilih Pakatan dan Selangor menguasai dua pertiga kerusi pada PRU-13.

Namun, BN masih menguasai Putrajaya.

Sekaligus memberi bayangan, bagaikan ada yang tidak kena dengan perjuangan Reformasi. Keyakinan rakyat terhadap Pakatan, walaupun banyak meningkat tetapi belum cukup melonjak untuk melepasi pintu gerbang Putrajaya.

Rupa-rupanya, segelintir pejuang mulai lupa asas Reformasi dalam melawan sistem bobrok amalan Umno-BN.

Proses pemilihan parti yang baru bermula dengan proses pencalonan Sabtu lalu mem-

buktikan ada pemimpin yang terburu-buru nafsu mempertahankan kemenangan lalu.

Mereka ini tergamak mereka cipta isu semata-mata mahu menjatuhkan calon lawan yang bumbungnya masih sama - Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Segala adab, segala akhlak ditolak tepi.

Kritikan tidak berasas dilambung-lambung, malah tak ubah fitnah semata-mata mahu mempertahankan kerusi daripada dirampas calon yang dilihat lebih wibawa.

Ironinya, kecaman yang dimainkan penyokong calon melalui rangkaian media sosial dibuat terhadap sosok yang terbukti ketelusan pentadbirannya.

Mereka - sekalipun sebahagian antara yang turut sama bersesak-sesak dalam gelombang 1998, seakan-akan lupa asas dan nawaitu perjuangan yang dicituskan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mungkin itulah sebabnya, calon Timbalan Presiden, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim pada pemilihan kali ini mahu mengilap kembali asas perjuangan PKR.

Maka, dalam kempenya, slogan ini dipilih: Reformasi Tulen.

*Ketua Pengarang*

# MB: Perjanjian baru akan dimeterai selepas pelaksanaan WSIA

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri akan memeterai perjanjian baru sekiranya Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006 dikuatkuasakan bagi menjayakan penstrukturan industri air.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata pihaknya, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Pejabat Peguam Negara kini dalam perbincangan modus operasi menguatkuasakan seksyen itu, dengan matlamat untuk memulangkan semula operasi air kepada Kerajaan Negeri.

“Walaupun proses perbincangan ini mengambil masa yang lama tapi ia perlu supaya penguatkuasaan dibuat selari dengan undang-undang WSIA serta tidak boleh dicabar di mahkamah oleh mana-mana pihak yang tidak berpuas hati.

“Kita yakin mekanisme atau modus operan di yang akan diguna pakai untuk mengambil alih perkhidmatan air akan menguntungkan Kerajaan Negeri kerana pampasan yang perlu dibayar kepada pemegang konsesi lebih murah berbanding tawaran awal sebanyak RM9.65 bilion,” katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco.

Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Pusat juga sedang mengkaji kaedah bersesuaian yang memenuhi keperluan seksyen berkenaan supaya penguatkuasaannya tidak membawa kesan buruk kepada pihak-pihak yang terlibat.

“Kerajaan Selangor menaruh kepercayaan tinggi bahawa penstrukturan air akan diselesaikan menerusi peranan Kerajaan Pusat khususnya KeTTHA sebagai pemudahcara seperti yang dipersetujui melalui Perjanjian Persefahaman (MoU) air yang dimeterai pada 26 Februari lalu,” katanya lagi.



## Penjadualan air peringkat 4 bermula 4 April

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) meluluskan Pelan Catuan Bekalan Air Peringkat Keempat berkuat kuasa 4 April (Jumaat).

Penolong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) Priscilla Alfred berkata pelan itu dilaksanakan serentak dengan Pelan Catuan Bekalan Air Peringkat Pertama dan Ketiga yang dilanjutkan sehingga 30 April.

Beliau berkata Loji Rawatan Air (LRA) Cheras Batu 11 dan LRA Bukit Tampoi yang ditutup akibat pencemaran

ammonia, beroperasi semula selepas paras kandungan bahan itu berkurangan ke tahap yang dibenarkan Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Kerajaan Negeri tidak dimaklumkan sebarang kelewatan penyambungan semula bekalan air lebih daripada tiga hari.

Exco Alam Sekitar Selangor, Elizabeth Wong, berkata jika terdapat masalah penyambungan semula bekalan air biasanya membabitkan kawasan yang mempunyai masalah pam air dan kawasan tinggi sahaja.

Di sidang akhbar baru-baru ini, Kerajaan Negeri men-

gumumkan program catuan air hanya akan ditamatkan selepas paras air di semua empangan melebihi 55 peratus.

“Walaupun ada hujan tetapi saya nak air betul-betul bertambah di empangan, maka saya menetapkan sasaran setiap empangan mesti lebih 55 peratus kerana ada empangan paras airnya berada di bawah 40 peratus,” kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai pelan catuan bekalan air itu, digunakan digalakkan melayari laman web Syabas [www.syabas.com.my](http://www.syabas.com.my).

# Selangor Kini

## SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa'za Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafiih Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: [news Selangorkini@gmail.com](mailto:news Selangorkini@gmail.com)



# YAWAS perkenal Skim Khairat Kematian



Nasib anak-anak Selangor terbela di bawah Skim Tawas

## Skim baru khairat RM1,500

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor terus komited membela kebajikan rakyat negeri itu dengan memperkenalkan satu lagi skim khairat kematian.

Skim yang dinamakan Manfaat Khairat Kematian Yawas itu membolehkan ibu bapa peserta Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) yang meninggal dunia sebelum mencapai umur 18 tahun menerima sumbangan RM1,500 daripada Kerajaan Negeri.

Pengurus Besar Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas), Mohd Noor Mohd Zain, berkata skim terbabit mula diperkenalkan, pada 1 Mac lalu.

"Manfaat ini diperkenalkan kepada anak kelahiran Sela-

ngor yang mendaftar sebagai Ahli Tawas. Dengan manfaat terbaru ini, jika peserta Tawas itu meninggal dunia sebelum mencapai umur 18 tahun, ibu bapanya boleh menuntut khairat kematian bernilai RM1,500.

"Tuntutan itu boleh dibuat di pejabat Yawas dengan membawa Sijil kematian, Kad SiManja dan Penyata Simpanan Tawas jika ada," katanya.

Mohd Noor berkata, rakyat Selangor digalakkan mendaftarkan anak mereka dalam Skim Tawas bagi membolehkan anak terbabit tidak keciciran dalam menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan.

Apabila seorang anak yang baru lahir didaftarkan dalam Skim Tawas mereka akan dihadiahkan tabung simpanan RM100 dan pada usia 18 tahun, peserta berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil daripada pelaburan dalam Tawas.

Sebelum ini, di bawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Kerajaan Selangor memperkenalkan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang membolehkan waris peserta skim itu menerima sumbangan khairat kematian bernilai RM2,500 dari Kerajaan Negeri.

**Tuntutan itu boleh dibuat di pejabat Yawas dengan membawa Sijil kematian, Kad SiManja dan Penyata Simpanan Tawas jika ada**

**MOHD NOOR**  
Pengurus Besar YAWAS

## Lagi bantuan untuk ahli TAWAS melalui TERAS

**SHAH ALAM** - Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) memperkenalkan Tabung Generasi Yawas (Teras) sebagai produk terbarunya, khusus buat individu mahupun syarikat yang ingin menjadi penderma kepada pembangunan ahli Tawas.

Pengurus Besar Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas), Mohd Noor Mohd Zain, berkata penderma Skim Teras berpeluang menikmati rebat cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Rebat layak menuntut yang dibenarkan LHDN adalah 7 peratus daripada pendapatan agregat bagi individu, manakala 10 peratus daripada pendapatan agregat bagi syarikat.

"Pada 2012, Yawas berjaya

mendapatkan kelulusan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tempoh 5 tahun sehingga 2016.

"Atas kejayaan itu, Teras berjaya diwujudkan pada 1 Januari tahun ini," katanya.

Selangor Kini difahamkan, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid merupakan individu pertama yang mendermakan sebahagian gaji bulanan-nya iaitu sebanyak

RM15,074.85

ke dalam Skim

Teras.

Menerusi Teras, sumbangan kewangan daripada penderma akan digunakan untuk pamban-

gunan pendidikan, modal insan dan kebajikan ahli-ahli Tawas.

"Untuk pendidikan, sumbangan penderma akan digunakan untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak (4 Tahun ke bawah), tadika pra-sekolah (4 hingga 6 tahun), pusat tuisyen di setiap daerah serta asrama untuk anak-anak Tawas yang kurang bernasib baik.

"Dalam pembangunan modal insan, anak-anak Tawas akan disertakan ke pusat motivasi, pembiayaan melanjut-

kan pelajaran ke peringkat tertinggi dan kemasukan ke pusat latihan kemahiran dan teknikal,"

jelasnya.

Tambah beliau, ahli Tawas juga bakal menerima manfaat kebajikan bantuan awal dan sumbangan sampingan sekiranya mereka sedang menerima rawatan, mengalami bencana alam, kemalangan ataupun kematian ibu atau bapa.

Tawas diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak Jun 2008 dengan menjanjikan setiap anak kelahiran Selangor akan mendapat pelaburan RM100 dan pada usia 18 tahun, peserta berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil daripada pelaburan tersebut.

Setakat 27 Mac lalu, Tawas menerima 148,516 permohonan. Daripada angka itu, hanya 128,672 permohonan lulus ma-

nakala 13,638 permohonan gagal dan bakinya 3,294 permohonan lagi tidak lengkap untuk diproses.

Hulu Langat muncul sebagai parlimen yang mencatatkan jumlah permohonan tertinggi dengan mencatatkan 15,889 diikuti Kapar 14,001 permohonan, Klang 10,803 permohonan dan Kuala Langat 10,210 permohonan.

### PERTANYAAN & MAKLUMAT LANJUT

Pendaftaran Tawas boleh dibuat di Pejabat Ahli Adun, Pejabat Daerah, Pejabat Penghulu/Ketua Kampung, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terpilih atau terus ke pejabat Yawas di alamat A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, Shah Alam.



# Khidmat terbaik kepada masyarakat



OLEH NAEEM RAFFI

**MENYEDARI** keperluan setiap masyarakat berbeza-beza, Adun Bangi Shafie Ngah memperkenalkan beberapa inisiatif dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk di DUN itu.

Bagi lima tahun pertama, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Bangi memperkenalkan Bangi Bersih, Bangi Selamat dan Bangi Sihat sebagai projek perintisnya kearah

menjadikan Bangi sebagai sebuah bandar yang aman, sejahtera dan berkeadilan sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri.

“Keperluan masyarakat tidak sama, ia akan bergantung kepada lokaliti, ada yang memerlukan dewan orang ramai, ada yang memerlukan sekolah agama, ada yang memerlukan baik pulih padang permainan, ada yang memerlukan sumbangan kebajikan dan ada juga memerlukan sokongan perbelanjaan program.

“Jadi kita memperkenalkan lapan inisiatif untuk memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat. Bagaimana pun, untuk tempoh lima tahun ini kita fokus kepada isu kebersihan, keselamatan dan juga kesihatan,” jelasnya.

Mengakui usaha membawa perubahan minda dan budaya masyarakat bukan suatu yang mudah, Shafie menyeru keterlibatan sepenuhnya dari masyarakat untuk bersamasama mendukung usaha tersebut.

“Keterlibatan masyarakat sepenuhnya sangat perlu untuk menjadikan Bangi sebagai bandar yang mesra untuk diduduki dan dikunjungi. Masyarakatnya sihat, bandarnya bersih dan selamat untuk diduduki, itu yang kita mahukan,” katanya.

## 3 projek utama Adun Bangi

### BERSIH

Mensasarkan persekitaran bersih, sama ada premis, pusat maksiat, judi dan larangan penjualan arak secara terbuka di kawasan majoriti Islam. Modus operandinya dengan memperkukuhkan usaha amar ma'ruf nahi mungkar melalui gabungan surau, masjid dan penduduk.

### SELAMAT

Mensasarkan pengurangan kadar kemalangan jalan raya. Modus operandinya adalah dengan mengadakan kempen jalan raya secara berterusan, di sekolah dan institusi masyarakat.

### SIHAT

Mensasarkan peningkatan tahap kesihatan awam secara menyeluruh melalui aktiviti sukan dan riadah. Modus operandinya adalah dengan memperbanyakkan aktiviti riadah serta menggalakkan penglibatan persatuan sukan dan rekreasi dengan masyarakat

## MOHD SHAFIE NGAH

ADUN N26 BANGI

Umur : 48 Tahun

Asal : Sekinchan

### PENDIDIKAN

- Masters dalam undang-Undang Syariah (Universiti Malaya, 1995)
- Bachelor dalam undang-Undang Syariah (Universiti Malaya, 1990)
- Pendidikan menengah di Tg. Karang
- Pendidikan rendah di Sekolah kebangsaan Parit 4, Sekinchan

### PENGLIBATAN POLITIK

- Timbalan Pesuruhjaya II PAS Selangor
- Yang DiPertua PAS Kawasan Serdang
- Ahli dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Kira-kira Wang Awam (PAC) Dewan Negeri Selangor
- Ahli dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pejabat Daerah dan Tanah (PADAT) Dewan Negeri Selangor
- Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

### PENGALAMAN KERJA

- Peguam Syarie di firma guaman sendiri
- Pensyarah di beberapa buah institusi, awam dan swasta

## ‘Bangi Selamat’ semarak semangat kejiiran

**DALAM** meniti arus kemodenan, Bangi tidak terlepas daripada aktiviti penjenayah yang cuba melebarkan aktiviti mereka ke kawasan kediaman.

Menyedari perkara itu, Adun Bangi, Shafie Ngah, tampil dengan program ‘Bangi Selamat’ sebagai inisiatif mengaktifkan kembali sikap kepedulian kejiiran.

“Kepadatan penduduk Bangi sangat padat, tetapi keselamatan kurang kerana kurangnya cakna dan sikap ambil tahu sesama jiran tetangga.

“Keadaan ini yang pencuri suka dan mereka tidak akan melepaskan peluang ini. Sebab itu kita pupuk sikap prihatin dan kepedulian antara jiran,” jelasnya.

Menurutnya, usaha mengenali jiran terdekat, berhubung rapat dengan ketua komuniti, ketua kampung atau ahli jawatankuasa kawasan adalah kunci utama mengembalikan nilai kejiiran yang selama ini luntur.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Bangi memberi taklimat kese-

lamatan, mengedarkan risalah dan menggantung kain rentang sebagai usaha mendidik.

Bantuan kewangan RM500 turut disalurkan kepada persatuan penduduk.

“Semua usaha ini adalah untuk memastikan setiap jiran itu kenal siapa jiran mereka, ke mana dan sehingga bila jirannya tinggalkan rumah dan siapa anak jiran mereka.

“Dengan aktifnya budaya ini, keselamatan di dalam kawasan kedia-

man dapat dipertingkatkan,” katanya.

Shafie berkata, pihaknya juga menjalinkan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membincangkan bentuk usaha yang boleh diambil bagi memerangi jenayah di kawasan itu.

“Menerusi kerjasama itu, PDRM menghantar anggota mereka secara berjadual untuk memberi taklimat keselamatan diseluruh masjid di DUN ini,” jelasnya.





## 'Get Into Rugby' dekati belia

**MENYEDARI** kecenderungan belia terhadap sukan dan aktiviti lasak, PKM DUN Bangi memperkenalkan program 'Get Into Rugby' sebagai salah satu usaha mendekati dan menghargai golongan tersebut.

Adunnya, Shafie Ngah, berkata sukan ragbi dipilih memandangkan ia sarat dengan elemen muda, lasak dan penuh disiplin untuk diterapkan dalam kehidupan belia di DUN itu.

"Selain memastikan belia ini diberi pengisian dengan aktiviti yang sihat, kita juga bercita-cita menempatkan Bangi sebagai bandar sukan yang terkenal dengan sukan ragbi," jelasnya.

Get Into Ragbi merupakan seba-

hagian daripada program 'Bangi Sihat' yang mensasarkan peningkatan tahap kesihatan awam secara menyeluruh melalui aktiviti sukan dan riadah.

Sejak dianjurkan pada Disember tahun lalu, 'Get Into Rugby' berjaya menarik 200 pelajar sekolah rendah dan menengah bagi mempelajari teknik asas dalam sukan ragbi.

Kesemua peserta dibahagikan mengikut kategori rendah dan menengah yang mana setiap satunya dihadkan kepada 10 pasukan.

"PKM Bangi bekerjasama dengan Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) serta Bangi Rugby Academy (Baraca) selaku pemudahcara kepada aktiviti ini.



"Kami juga bersyukur kerana berjaya menurunkan jurulatih-jurulatih ragbi Malaysia untuk mendidik pemain menerusi kelas teori dan amali di padang," katanya.

Bercakap mengenai fasa seterusnya, PKM DUN Bangi berhasrat mencari lokasi bersesuaian untuk dijadikan tapak klinik ragbi.

"Impian kita untuk menjadikan Bangi sebagai 'Bandar Sukan' mendapat kerjasama Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Perbadanan Kemanusiaan Negeri Selangor (PKNS) di mana mereka memberi kebenaran menggunakan Padang di Tasik Chempaka sebagai tapak pelaksanaan program ini.

"Bangi juga bersedia menjadi penganjur kepada mana-mana aktiviti besar ragbi," jelasnya.



Scrabble Bangi Open berjaya menarik 125 peserta

## 'Mesra Wanita' bantu kaum hawa berdikari



**PELBAGAI** program dan aktiviti membabitkan golongan wanita diperbanyakkan, terutamanya program bimbingan pendidikan, khidmat nasihat dan kerjaya yang dipakejkan di bawah program 'Mesra Wanita'.

Bermula dari bawah, Mesra Wanita menawarkan program 'Kenali Diri' dengan mensasarkan golongan remaja perempuan berusia 10 hingga 13 tahun untuk diberi pendidikan asas sebagai persediaan menempuh alam wanita.

Sehingga kini, 200 peserta menghadiri program 'Kenali Diri' yang dilaksanakan di empat buah pusat komuniti setempat.

Selain itu, Mesra Wanita juga menganjurkan program 'Usahawan Bangi' dengan mondis operandi mengaktifkan jaringan antara usahawan-usahawan wanita di DUN itu.

"Kita sedar ramai usahawan wanita yang sedang bergerak aktif di Bangi. Jadi, kita gerakkan program ini untuk menjejaki sekurang-kurangnya 100 usahawan.

"Kita akan buat satu jaringan dan lihat bagaimana potensi se-

tiap daripada mereka ini dapat digembeleng supaya wujudnya budaya orang Bangi berbelanja untuk orang Bangi," jelasnya.

Tidak terlepas, wanita berkeperluan seperti ibu tunggal dan suri rumah juga diprogramkan dalam satu bengkel khusus bagi mempelajari teknik jahitan bagi membantu golongan tersebut meraih pendapatan untuk membantu keluarga.

Shafie berkata, peserta akan diajar teknik-teknik jahitan sehingga mampu menjahit baju kurung dan jubah menerusi kelas latihan yang dilakukan setiap hujung minggu.

"Berebalkan tujuh mesin jahit dan dua mesin jahit tepi, kita berjaya memberi latihan kepada 180 wanita setakat ini.

"Kesemua mesin jahit ini digerakkan secara mobile, di mana kita akan bawa peralatan ini ke serata DUN Bangi untuk memastikan lebih ramai wanita yang minat menjahit dapat dilatih," katanya.

Shafie berkata, pihaknya juga akan menganjurkan kempen 'Merakyatkan al-Quran' dan program 'Wonder Chef' sebagai program tambahan di bawah Mesra Wanita.

### STATISTIK PROGRAM MES DUN BANGI

#### SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

##### PENDAFTARAN SMUE

Bangsa	Pendaftaran	Terima
Melayu	1,504	269
Cina	613	125
India	524	130
Lain-lain	11	1
<b>JUMLAH</b>	<b>2,652</b>	<b>525</b>

#### JOM SHOPPING (Warga Emas)

Ahli berdaftar	2,284
Ahli yang telah terima manfaat	1,518
Ahli Yang belum terima manfaat	766

#### JOM SHOPPING (Ibu Tunggal)

Ahli berdaftar	208
Ahli yang telah terima manfaat	48
Ahli yang belum terima manfaat	160

#### JOM SHOPPING PERAYAAN

Perayaan	Penerima
Aidilfitri	500
Tahun Baru Cina	400
Deepavali	400
Back To School	600

#### HADIAH ANAK MASUK UNIVERSITI

Jumlah Permohonan : 67

#### INSENTIF PERKAHWINAN

Jumlah Permohonan : 161

#### TAWAS

Bangsa	Pendaftaran
Melayu	3,616
Cina	158
India	181
Lain-lain	82
<b>Jumlah</b>	<b>4,037</b>

### PUSAT KHIDMAT ADUN BANGI

No. 37A, Jalan 7/7c, Seksyen 7,  
43650 Bandar Baru Bangi  
Waktu Urusan 8.30 - 5.30 ptg

Telefon: 03 89200511

Fax: 03 89221888 [fb shafiengah.com](http://shafiengah.com)





▶ Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, bersama Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, bersalaman dengan peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Futsal Remaja Dewasa



▶ Adun Taman Medan, Haniza Talha, menziarah dan menghulurkan sumbangan kepada Normah Ismail, ibu tunggal yang rumahnya terbakar di Taman Datuk Harun



▶ Gotong-royong Perdana anjuran JKP Zon 11, bertujuan memerangi denggi. Kelihatan Adun Kinrara, Ng Sze Han, turun padang menyertai penduduk dan melihat pameran yang diadakan



▶ Adun Paya Jaras, Khairudin Othman (berbaju Melayu) bersama ibu bapa dan guru, meraikan kejayaan pelajar Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) 2013 pada Majlis Kecemerlangan Pelajar 2013



## Raikan kecemerlangan pelajar di dalam peperiksaan



**Dr Halimah Ali**  
Adun Selat Klang

**ADUN** Selat Klang, Dr Halimah Ali, merasmikan serta menyampaikan sijil kepada pelajar cemerlang UPSR, PSRA, PMR, SMA, SPM, STPM, di Majlis

Anugerah Pelajar Cemerlang di DUN Selat Klang.

Seramai kira-kira 700 pelajar yang terlibat diraikan di Dewan Teluk Pulai, Klang

Dalam ucapannya, Dr Halimah berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan anak-anak DUN Selat Kelang, selain mengucapkan tahniah kepada

ibu bapa yang bersungguh-sungguh dalam mendidik anak masing-masing

Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang itu turut dihadiri, Ahli

Parlimen Kapar, Manivanan Gowin, ketua kampung, Ahli Majlis, ibu bapa dan guru terlibat.



## Program amal pelajar UNISEL

**ADUN** Meru, Dr Rani Osman, meraikan kira-kira 400 pelajar Universiti Tenaga Nasional (Uniten), selepas selesai program gotong-royong.

Sebelum itu pelajar tersebut beramai-ramai membersihkan ruang dalam dan luar masjid di Meru dan Bukit Kapar, dewan orang ramai serta lima buah rumah go-

longan kurang mampu di DUN Meru.

Sebelum acara bersurai, Dr Rani mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pelajar kerana bertungkus-lumus melakukan kerja-kerja amal tanpa mengira agama.

**Dr Rani Osman**  
Adun Meru

## Tinjau kawasan kilang haram

**TAMAN** Perindustrian Balakong Jaya merupakan salah satu daripada lima taman perindustrian di DUN Balakong.

Kebanyakan kilang di kawasan tersebut adalah kilang haram, di mana pembinaannya tanpa kebenaran

Baru-baru ini, Adun Balakong, Eddie Ng Tien Chee, turun padang bersama beberapa orang pemilik kilang, wakil Persatuan Pekilang Balakong Jaya dan pegawai Perancangan Pembangunan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), mem-

buat lawatan tapak ke kawasan tersebut.

Berikut permintaan beberapa pemilik kilang yang mencadangkan supaya rezab jalan di dalam pelan pembangunan MPKj dipinda demi kesesuaian dan kesenangan mereka.



**Eddie Ng**  
Adun Balakong

## DPPG juara futsal Belia Cergas



**PUSAT** Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dengan kerjasama Dewan Pemuda PAS Gombak (DPPG), menganjurkan program Belia Cergas DUN Hulu Kelang di JJB Futsal Court.

Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, hadir pada majlis penutup, sekaligus menyampaikan hadiah kepada pasukan yang berjaya.

Dalam ucapannya, Saari melahirkan rasa bangga de-

ngan penglibatan remaja dalam sukan bagi membina minda yang sihat dan cergas, malah bersedia menganjurkan lagi program kesukanan di DUN Hulu Kelang pada masa akan datang.

Sebanyak 12 pasukan telah menyertai pertandingan yang dianjurkan.

**Saari Sungib**  
Adun Hulu Kelang



## u-Pustaka memudahkan cari bahan rujukan

**SHAH ALAM** - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) memperkenalkan perkhidmatan u-Pustaka bagi memudahkan rakyat Malaysia mendapatkan bahan bacaan yang diingini.

Perkhidmatan itu diilhamkan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Datuk Mohamed Sharil Tarmizi, dengan konsep penyediaan perkhidmatan rangkaian perpustakaan yang sentiasa ada, tanpa sempadan masa dan tempat (ubiquitous).

Kemudahan yang disediakan PPAS adalah antara lapan perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan berkenaan dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunika-

si dan Kebudayaan (KPKK) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Tujuh perpustakaan lain seluruh negara yang menggunakan perkhidmatan itu adalah Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Pahang, Pustaka Negeri Sarawak, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan INTAN Bukit Kiara dan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Kerajaan Negeri memberi sokongan penuh kepada usaha membudayakan ilmu.

“Saya dapati konsortium u-Pustaka yang mengumpul khazanah buku di seluruh negara sudah dapat diteruskan penggunaannya untuk rakyat.



Menteri Besar meninjau sudut penerangan yang terdapat di PPAS

**RAKAN RESIDENCE**  
@ Taman Rakan Cheras

PENGALAMAN EKSKLUSIF  
**KESELESAAN & RUANGAN**  
RUMAH TERES 2 TINGKAT  
BATU 11, CHERAS  
012-689 0556

NO. LESEN PEMAJU : 12208-1/10-2014/0780(L) | TEMPOH SAH : 04/10/2013-03/10/2014 | NO PERMIT IKLAN : 12208-1/10-2014/0780(P) | TEMPOH SAH : 04/10/2013-03/10/2014 | PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | NO RUJUKAN : MPK 6/P/76/2011 | TARIKH DIANGKA SIAP : Oktober 2014 | PEGANGAN TANAH : PAJAKAN 99 TAHUN | TARIKH TAMAT TEMPOH PAJAKAN : 28 NOVEMBER 2111 | BEBANAN TANAH : TIADA | JUMLAH UNIT : 40 UNIT | HARGA (MIN) : RM650,000 | HARGA (MAX) : RM860,000 | SEKATAN KEPENTINGAN : TANAH INI BOLEH DIPINDAHMILIK, DIPAJAK ATAU DIGADAI SETELAH MENDAPAT KEBENARAN PIHAK BERKUASA NEGERI | SAIZ TANAH : 20' x 65' | RUMAH TERES : RUMAH TERES 2- TINGKAT | DISKAUN BUMIPUTERA : 7%

Pemaju: SPEED WORK ENTERPRISE SDN BHD  
Alamat: 8b-1, Tingkat 1, Jln Sg.Besi, 57100, Kuala Lumpur No.Tel: 03-92222550 No. Fax: 03-9222441

## Pengasuh berpeluang jadi pengusaha taska

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Wanita yang mengambil upah mengasuh anak-anak kecil di rumah, kini berpeluang meningkatkan taraf mereka menjadi pengusaha taska.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail berkata, Kerajaan Negeri memberi peluang kepada pengasuh kanak-kanak menjadikan bidang kerja mereka sebagai satu kerjaya.

Katanya, setiap pengasuh hanya perlu menjalani kursus dan memenuhi syarat tertentu bagi membolehkan mereka memperoleh lesen dan mendapat bantuan subsidi daripada Kerajaan Negeri.

“Sebelum ini, memang bantuan diberi kepada yang berdaftar (taska institusi) sahaja, jadi kita lihat ini perlu diolah supaya yang di rumah juga boleh dapat bantuan.

“Saya teliti dan dapati bawah Peraturan Kanak-kanak terdapat klausa mengatakan boleh dilesenkan kalau tidak lebih sembilan kanak-kanak termasuk anak sendiri,

sebab itu kita usahakan.

“Kita komited dan mahu kan wanita yang bekerja daripada rumah juga mampu memperoleh pendapatan yang setaraf dengan mereka yang bekerjaya di luar sana,” katanya sewaktu Majlis Penutup Kursus Insentif Perkembangan Kanak-kanak yang diadakan di Intekma Resort, baru-baru ini.

Seramai 27 pengasuh daripada seluruh Selangor menyertai kursus dua hari itu bagi membolehkan mereka memperoleh sijil pengusaha taska.

Pada masa sama, Rodziah berkata beliau akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengiktiraf taska institusi sebagai salah satu subsidiari projek kebajikan.

“Saya kini sedang proses siapkan kajian agar cukai pintu yang dikenakan kepada taska institusi bukan berdasarkan kepada cukai pintu komersial.

“Kita mahu ia dilihat sebagai satu bentuk kebajikan kepada rakyat dan bukan berasaskan kepada keuntungan semata-mata kerana kita lihat ada keperluan ke arah itu pada masa kini,” katanya lagi.



# Perbandaran Hijau Disempurnakan Alam Semulajadi



Bandar Rimbayu merupakan perbandaran hijau terbaru IJM Land. Dengan keluasan 1,879 ekar terletak berhampiran Kota Kemuning. Bandar Rimbayu mengutamakan gaya hidup yang mampan serta menawarkan pembangunan bersepadu yang merangkumi rumah kediaman, hab komersial, kemudahan dan infrastruktur yang lengkap. Jadikan Bandar Rimbayu pilihan anda!



**RUMAH CONTOH**  
dan ruang hijau ikonik sedia dikunjungi.  
Hanya tinggal kuota bumiputra sahaja.

\* Gambar ilustrasi artis



\* Gambar ilustrasi artis

**CHIMES**  
Rumah teres dua tingkat

22' x 75' | dari 2,179 kps  
24' x 75' | dari 2,322 kps  
Harga dari RM621,054  
(Selepas diskaun bumiputra)



\* Gambar ilustrasi artis

**PERENNIA**  
Rumah teres dua tingkat

22' x 80' | dari 2,216 kps  
24' x 80' | dari 2,459 kps  
Harga dari RM643,374.  
(Selepas diskaun bumiputra)



Bandar Rimbayu Sdn. Bhd. (568093-K)  
No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu  
42500 Telok Panglima Garang  
Selangor Darul Ehsan

Waktu Urusan  
Isnin - Jumaat : 9pg - 5ptg  
Sabtu, Ahad & Cuti Umum : 10pg - 5ptg

[www.rimbayu.com](http://www.rimbayu.com)  
1700 81 8686

**IJM LAND**

An **IJM** Company



Pemaju: Bandar Rimbayu Sdn. Bhd. (568093-K) No. 1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor. • CHIMES: No. Lesen Pemaju: 12392-1/07-2015/0130362 | Tarikh Sah: 21/02/2014 - 20/02/2015. • No. Permit Nila & Jualan: 12392-1/02-2015/0130363 | Tarikh Sah: 21/02/2014 - 20/02/2015. • Pihak Berkuasa Yang Melaksanakan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langkat. • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDK/3/2015/0504/1001A | Bilangan Tanah: Dicap kepada RHB Bank Berhad - Status Hak Milik: Pajakan 99 tahun (Tarikh Lulus: 18/12/2011) | Tarikh Dijangka Siap: Mac 2015. • Jenis Kediaman: Rumah Teres 2 Tingkat (24'x75') • Bilangan unit yang belum dijual: 42 unit • Harga: RM832,800 (Minimum) - RM1,360,800 (Maksimum) • Jenis Kediaman: Rumah Teres 2 Tingkat (22'x75') • Bilangan Unit yang Belum Dijual: 43 unit • Harga: RM732,800 (Minimum) - RM1,324,800 (Maksimum) • Diskaun 7% untuk Bumiputra • PERENNIA: No. Lesen Pemaju: 12392-2/07-2015/040013 | Tarikh Sah: 27/07/2013 - 26/07/2015. • No. Permit Nila & Jualan: 12392-2/07-2015/040013 | Tarikh Sah: 27/07/2013 - 26/07/2015. • Pihak Berkuasa Yang Melaksanakan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langkat. • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDK/3/2015/0504/1003 | Status Hak Milik: Pajakan 99 tahun (Tarikh Lulus: 23/12/2011) | Tarikh Dijangka Siap: Jun 2015. • Jenis Kediaman: Rumah Teres 2 Tingkat (24'x80') • Bilangan Unit: 204 unit • Harga: RM778,800 (Minimum) - RM1,498,800 (Maksimum) • Jenis Kediaman: Rumah Teres 2 Tingkat (22'x80') • Bilangan Unit: 280 unit • Harga: RM717,800 (Minimum) - RM1,323,800 (Maksimum) • Diskaun 7% untuk Bumiputra. • Selatan Kepingatan: Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, dicagar atau dipindah milik dengan apa cara sekalipun kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa Kerajaan Negeri.



# BANDAR BEBAS HALANGAN KOMITMEN JITU MBPJ UNTUK GOLONGAN OKU



Tempat letak kereta berbumbung memberi keselesaan kepada OKU terutama ketika musim hujan



MBPJ telah menerima pengiktirafan bangunan dengan kemudahan akses sempena Hari OKU peringkat kebangsaan ke 9 (kategori bangunan kerajaan)



Datin Paduka Alinah Ahmad - MBPJ prihatin sediakan kemudahan OKU selaras dengan usaha menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebuah Bandar Bebas Halangan menjelang 2030

Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya merupakan kawasan perintis (pilot project) bagi projek Bandar Bebas Halangan (Barrier-Free) yang telah dimulakan oleh Majlis sejak tahun 2002. Pada tahun 2008, Majlis telah melaksanakan beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan hasil daripada bengkel simulasi dan auditan aksesibiliti di bangunan-bangunan dan jalan-jalan utama sekitar Pusat bandar Seksyen 52. Komponen utama meliputi pembinaan laluan pejalan kaki dan 'ramp' di Lorong Sultan, pemasangan 'tactiles' dan 'guiding block' di laluan pejalan kaki, pembinaan perteduhan bas yang boleh di akses oleh OKU di Jalan Yong Shook Lin dan Jalan Sultan, cadangan 'drop-off point' bagi transit OKU di Jalan Yong Shook Lin serta padang awam (Padang Timur) yang boleh di akses oleh OKU.

MBPJ sentiasa giat mengan-

jurkan pelbagai usaha dalam membantu golongan ini untuk mendapat kehidupan yang selesa & sesuai dengan keperluan dan kehendak mereka. Pihak majlis juga sentiasa prihatin terhadap keperluan golongan ini dan telah menyediakan pelan tindakan yang komprehensif baik dari segi pembangunan / penambahbaikan fizikal, program atau aktiviti dalam mewujudkan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya bebas halangan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Alinah bt Ahmad berkata, Pelaksanaan projek ini merupakan antara komponen utama bagi Livable City Petaling Jaya @ Section 52. Kemudahan-kemudahan OKU sedia ada akan dinaiktaraf dan disediakan mengikut keperluan yang maksimum selaras dengan wawasan Majlis ke arah menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar Bebas Halangan menjelang tahun 2030.

Tambahnya lagi, usaha-usaha ke arah mewujudkan sebuah bandaraya bebas halangan akan diteruskan lagi. Projek perintis Bandar Bebas Halangan di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya melibatkan kerja-kerja menyediakan dan menaiktaraf kemudahan OKU seperti penyediaan Tempat Letak Kereta OKU tidak berbumbung sebanyak 13 unit, pemasangan 'Tactiles' dan menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki dan dropped curb, Pembinaan Ramp OKU dan Lintasan Pejalan kaki yang melibatkan kerja-kerja mengecat lintasan pejalan kaki (zebra crossing).

Majlis telah mengambil pelbagai inisiatif, antaranya menyediakan pelbagai kemudahan kenderaan Transit OKU percuma, kemudahan tempat letak kereta



OKU berbumbung, menaiktaraf laluan pejalan kaki mesra OKU, laluan bertekstil untuk kemudahan orang buta, buku bantuan berkomunikasi bagi orang pekak dan bisu dan sebagainya. MBPJ sekali lagi menjadi peneraju dalam mempromosikan inisiatif bandar bebas halangan kepada semua PBT lain di Selangor dengan mengadakan seminar orang kurang upaya bagi memberi pendedahan kepada kakitangan profesional dan teknikal PBT mengenai penubuhan jawatankuasa teknikal OKU di setiap PBT di Negeri Selangor.

Menurutnya lagi, Majlis juga telah merancang pelbagai program untuk golongan OKU ini, antaranya ialah Program 'Blind Leading The Blind' untuk golongan kurang penglihatan, Program sempena Hari Parkinsons Sedunia, Program sempena 'International White Cane Day', Program sempena Hari Orang Kurang Upaya Sedunia, Program Sejahtera Komuniti (SEJATI) bagi golongan OKU, International Conference for Accesible Tourism dan lain-lain. Program-program ini akan menjadi acara tahunan bagi meneruskan sokongan dan keprihatinan masyarakat terhadap golongan OKU.



Tempat Letak Kereta Khas untuk OKU di Ibupejabat MBPJ





**SEMANGAT...**  
Hujan renyai malam minggu lalu tidak menghalang kira-kira 1,000 orang menyertai Kayuhan Malam (Night Cycle) sempena Program 60 Earth Hour anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

## Parkir khas tingkat keselamatan wanita



Exco Pelancongan, Elizabeth Wong, meneliti jadual program 'PJ Safe.. Safety For All' sambil diperhatikan Alinah

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), melangkah ke hadapan dengan melancarkan tempat letak kereta khas untuk wanita.

Datuk Bandar MBPJ, Datin Paduka Alinah Ahmad, berkata kemudahan yang terletak di Pusat Bandar Seksyen 52 itu disediakan di kawasan strategik, lengkap dengan pengawal keselamatan dan kamera litar tertutup (CCTV).

Katanya, pemilihan itu dilakukan bagi tujuan keselamatan, khususnya wanita yang memandu berseorangan.

"Kemudahan ini istimewa untuk wanita yang memandu sama ada untuk ke Menaja MBPJ atau lot kedai berhampiran. Sebagai permulaan, MBPJ memperuntukkan dua buah tempat letak kereta di hadapan premis Public Bank dan Ambank," kata-

nya sewaktu menyempurnakan majlis berkenaan di Pusat Bandar Seksyen 52, baru-baru ini.

Pelancaran berkenaan adalah sebahagian daripada program 'PJ Safe.. Safety For All' yang akan dianjurkan di seluruh Petaling Jaya.

Alinah berkata, MBPJ juga akan mengkaji semula keperluan syarat penyediaan tempat letak kereta, khusus untuk wanita melalui syarat Kebeharuan Merancang.

"Untuk premis sedia ada, MBPJ akan beri kelonggaran masa untuk pemiliknya melaksanakan sistem letak kereta wanita, sementara itu pemilik premis yang ingin perbaharui lesen tempat letak kereta perlu laksana sistem ini.

"Jika gagal, permohonan lesen tidak akan diperbaharui," katanya.

**Taman SENTOSA**  
Sungai Pelek

Gaya Hidup Modern Lagi Eksklusif Dengan Rekabentuk Laman Unik

- Laman peribadi yang luas dan selesa
- Persekitaran selesa dan menyenangkan
- Berhampiran dengan pelbagai kemudahan

**Belina**

RUMAH TINGKAT 2  
24' x 80'

PEGANGAN BEBAS  
Unit Terhad 30 Unit Sahaja! 3024 k.p.s + 303 k.p.s 4 Bilik Tidur + 4 Bilik Air

---

**Alison**

RUMAH BERKEBANG 2 TINGKAT  
40' x 80'

Pegangan Bebas  
Sesuai 12 Unit Sahaja!

Gaya Hidup Modern Lagi Eksklusif Dengan Rekabentuk Laman Unik

- Laman peribadi yang luas dan selesa
- Persekitaran selesa dan menyenangkan
- Berhampiran dengan pelbagai kemudahan

06 799 7889

**BITARIANG DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
SUKSES

No Lesen Pemaju: 11259-4/10-2015/0769(L) • Tarikh Sah: 24/10/2013-23/10/2015 • No Permit Iklan: 11259-4/10-2015/0769(P)  
• Tarikh Sah: 24/10/2013-23/10/2015 • Tarikh Dijangka Siap: September 2015 • Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: Tiada  
• Jumlah Unit: 12 Unit Harga Min: 645,000.00 Harga Maks: Rm800,000.00 • No Rujukan Pelan MP: SPG 600/34/8/02  
• Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang

Peneraf: Semua lukisan adalah gambaran pelikis sahaja. Risetlah ini bukan dan tidak boleh dianggap sebagai tawaran atau perlawanan dari pihak pemaju. Maklumat yang terkandung di dalam maklumat ini tertakluk kepada perubahan, pandangan seperti diyorokan oleh pihak berkuasa berkenaan dan/atau akibat projek dan bukannya sebahagian daripada tawaran kontrak.

3026 k.p.s + Balcony 402 k.p.s 5+1 Bilik Tidur & 5 Bilik Air

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di...



## ADUN Sungai Pinang beli 100 basikal, atasi masalah kesesakan

**KLANG** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Datuk Teng Chang Khim menyediakan peruntukan RM20,000 bagi menjayakan program menggalakkan pelajar sekolah sekitar DUN berkenaan berbasikal ke sekolah.

Chang Khim berkata, peruntukan itu disediakan bagi membeli kira-kira 100 buah basikal untuk disumbangkan kepada pelajar yang berminat menyertai program berbasikal, sekali gus mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara daripada asap kenderaan seperti motosikal.

“Kriteria pelajar yang dipilih, pertamanya adalah kemahuan untuk berbasikal. Itu penting kalau dia enggan berbasikal tidak guna kita bagi dan kebenaran ibu bapa sebab sesetengah mereka khuatir keselamatan anak yang berbasikal ke sekolah.

“Pendapatan ibu bapa bukan kriteria pertama sebab fokus kita untuk menggalakkan mereka menggunakan basikal berbanding kenderaan bermotor,” katanya pada program Karnival Berkayuh Santai di Kampung Rantau Panjang, baru-baru ini.

Chang Khim berkata, beliau juga akan mencadangkan kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk membina lorong berbasikal di Jalan Pekan Baru, Taman Eng Ann, bagi kemudahan pengguna basikal.

Katanya, beliau akan mencadangkan program sama diperluaskan di kawasan lain seluruh Selangor jika usaha berkenaan berjaya.

Sebelum itu, Chang Khim melepaskan kira-kira 250 peserta kayuhan basikal yang dibahagi kepada dua kategori iaitu kayuhan santai dan kayuhan sejauh 27 kilometer



Teng melepaskan peserta berbasikal Karnival Berkayuh Santai

### URBAN 360

LIVE. 360. STYLE D-SOFO

**80%** telah dijual!  
50 unit terakhir percuma kontrak jualan  
Harga yang berpatutan dari **RM278,000\***  
Jangan ketinggalan!

**80%** pembinaan\*  
Dijangka siap pada **OGOS 2014**

Miliki studio yang terletak di lokasi yang strategik  
Taman Sri Gombak dengan hanya **RM1000\***

**Tel : 03 6177 6110**

Ms See 017-636 6811 | Aceline 018-778 8570  
Nicholas 012-208 1135 | Jane 013-998 0009

**PEMAJU:**  
Radiant Symphony Sdn Bhd (645507-H)  
an f3 company  
65, Jalan SS 22/23, Damansara Jaya  
47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

**PEJABAT JUALAN DAN UNIT PAMERAN:**  
G-42, Jalan SG2, Taman Sri Gombak,  
68100 Batu Caves, Selangor.  
T: +03-6177 6110  
F: +03-6177 6112

Sila imbas kod QR

\*Untuk bumiputera sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Terma & syarat dikenakan. Semua ilustrasi adalah gambaran artis. Semua hak terpelihara.

## Erat hubungan baik MPSJ dan penduduk

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Mesyuarat Dewan Bandaran atau Town Hall Meeting akan dilaksanakan bagi mengeratkan lagi hubungan antara Majlis Perbandaran Subang Jaya dan masyarakat setempat.

Inisiatif itu dilaksanakan empat kali setahun, bermula di Zon Kinrara, diikuti Zon Sri Serdang, Zon Seri Kembangan dan Zon Subang.

“Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman penduduk tentang perancangan dan hala tuju MPSJ.

“Di samping itu, ia juga memberi pengetahuan teori dan praktikal berkenaan urusan tadbir MPSJ kepada penduduk setempat,” menurut kenyataan media Bahagian Komunikasi dan Korporat MPSJ.

Mesyuarat pertama berlangsung di Dewan Serba-

guna MPSJ BK 2 di Bandar Kinrara membincangkan projek Kinrara-Damansara Lebuhraya Expressway (Kidex).

Kidex adalah lebuhraya baru yang menghubungkan Damansara-NKVE Interchange New Klang Valley Expressway di utara ke Bandar Kinrara Selatan.

Pembinaan Kidex dijangka mampu mengurangkan masa perjalanan antara Damansara dan Kinrara sebanyak 25 peratus selain kesesakan trafik 50 peratus di kedua-dua arah Puchong dan Petaling Jaya.

“Selain taklimat Kidex, MPSJ turut menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak dan kaunter aduan.

“Orang awam berpeluang membuat pembayaran cukai taksiran, pembayaran kompaun trafik serta mendaftar sebagai ahli my@mpsj untuk kemudahan atas talian,” menurut kenyataan itu lagi.



Persekutuan perlu atasi masalah jerebu berulang

## Pendapatan nelayan terjejas



OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan digesa memperhalusi isu pendapatan nelayan yang terjejas setiap kali bencana jerebu melanda negara.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, berkata Kerajaan Persekutuan perlu akur bahawa bencana tahunan itu memberi impak yang serius kepada kehidupan rakyat Malaysia.

Bagi Rodziah, antara kumpulan paling terkesan adalah nelayan, namun jerebu yang melanda negara hampir setiap tahun masih gagal diatasi dengan sempurna.

"Berbeza dengan pekerjaan lain, nelayan bergantung kepada potensi cuaca untuk keluar mencari rezeki.

"Bulan lalu, mereka berdepan dengan ancaman jerebu. Akibatnya mereka terputus sumber pendapatan hampir

sebulan lamanya," kata Rodziah.

Tinjauan Selangor Kini di Jeti Kampung Nelayan Kelanang baru-baru ini mendapati setengah daripada 380 nelayan di kawasan itu tidak turun ke laut ketika jerebu teruk.

Jerebu juga menyebabkan cahaya dari rumah api di Bukit Jugra tidak dapat dilihat untuk panduan nelayan yang keluar dan masuk, pada waktu malam.

"Masalah seperti ini perlu dilihat secara holistik dan bukan hanya secara reaktif, bila ada masalah baru mahu fikir bagaimana cara mahu selesai," jelasnya.

Bukan sahaja nelayan, tetapi golongan pemborong turut terkesan.

Bekalan ikan ke pasaran terputus sekiranya nelayan gagal ke laut untuk tempoh yang panjang, mengakibatkan

kan harga ikan terpaksa dikawal bagi mengelakkan pelanggan merungut.

Rodziah menyarankan Kerajaan Persekutuan mengiatkan modenisasi golongan nelayan agar tidak bergantung sepenuhnya kepada

aktiviti laut.

"Sekiranya mereka diprogramkan dengan kemahiran tambahan, ia boleh menjadi sumber kewangan sekiranya gagal ke laut. Jadi, isu terputus sumber pendapatan tidak lagi berulang," katanya.

## TINJAUAN KOMUNITI

Kami nelayan pesisir pantai (Zon A), bot yang digunakan adalah jenis biasa dan tiada kemudahan sistem penunjuk arah atau GPS. Jadi, kami kerap bunyikan hon sebagai isyarat berada di laluan itu yang turut diamalkan nelayan lain bagi mengelak daripada berlanggar.



Abdul Rahman Karim, 64, nelayan



Saya sendiri pernah berpatah balik ke darat kerana keadaan di laut ketika itu terlalu kabur. Kalau diikutkan, saya tidak mahu mengambil risiko turun ke laut ketika jerebu, tetapi hanya bergantung harap pada hasil laut

Johari Siput, 54, nelayan

Kalau naikkan harga, ramai akan kata pemborong ambil kesempatan. Jadi, saya terpaksa kawal harga ikan selagi mampu dan kini berasa lega apabila nelayan sudah kembali aktif ke laut selepas jerebu berkurangan.



Hong King Mooi, 48, pemborong

WAKTU SOLAT SELANGOR							
4 - 11 APRIL 2014							
3 - 10 JAMADILAKHIR 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
4 Jumaat	5:46	5:56	7:12	1:19	4:22	7:23	8:32
5 Sabtu	5:45	5:55	7:12	1:19	4:23	7:23	8:32
6 Ahad	5:45	5:55	7:11	1:19	4:23	7:22	8:32
7 Isnin	5:45	5:55	7:11	1:18	4:24	7:22	8:32
8 Selasa	5:44	5:54	7:11	1:18	4:24	7:22	8:32
9 Rabu	5:44	5:54	7:10	1:18	4:24	7:22	8:32
10 Khamis	5:43	5:53	7:10	1:17	4:25	7:22	8:31
11 Jumaat	5:43	5:53	7:10	1:17	4:25	7:22	8:31

  

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
4 Jumaat	5:48	5:58	7:14	1:21	4:24	7:25	8:34
5 Sabtu	5:47	5:57	7:14	1:21	4:25	7:25	8:34
6 Ahad	5:47	5:57	7:13	1:21	4:25	7:25	8:34
7 Isnin	5:47	5:57	7:13	1:20	4:26	7:24	8:34
8 Selasa	5:46	5:56	7:13	1:20	4:26	7:24	8:34
9 Rabu	5:46	5:56	7:12	1:20	4:26	7:24	8:34
10 Khamis	5:45	5:55	7:12	1:19	4:27	7:24	8:34
11 Jumaat	5:45	5:55	7:12	1:19	4:27	7:24	8:33

## BUMIPUTRA SAHAJA

# RUMAH TERES 3 TINGKAT

### Bayu Heights

Free living like a hummingbird  
berhampir@n THE MINES

- 5 Bilik Tidur Besar
- 4 Bilik Mandi

**HAK MILIK KEKAL**  
7% Diskaun Bumiputra

RUMAH BERILHAMKAN TAMAN  
KAWALAN SEKURITI 24 JAM

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami  
**603 8942 2448**  
**011 1661 8000**

atau kunjungi Galeri Jualan kami : Isnin-Sabtu : 10pg - 5ptg  
 Temujanji dilatarkan untuk pelanggan pada Hari Ahad dan Cuti Umum

Pemaju:  
**BISON VENTURES SDN BHD** (100% IJ)  
 22, Jalan Budiman, Taman Putra Budiman,  
 43200 Seri Kembangan, Selangor D.E.

Agen eksklusif: **Wang Lai Realty**

Peta Lokasi

GAMBAR ADALAH UNTUK TUJUAN ILLUSTRASI SAHAJA - NO. LESEN PEMAJU : 11981-1/04-2015/496 - TEMPOR SAH : 20/04/2012-19/04/2015 - PERMIT RILAN DAN JUALAN : 11981-1/12-2014/01314P - TEMPOR SAH : 12/12/2013-11/12/2014 - INCARILAH PELAN BANGUNAN - MPK/26/2012 - TERBUK DUAANGKA SAP - JANUARI 2015  
 \*SEKATAN HAK MILIK : TIADA - HAK MILIK : PEGANGAN BEBAS - JUMLAH UNIT : 56 UNIT - HARGA : RM588,000/UNIT - RM588,000/UNIT - DISKAUN BUMIPUTRA 7%





## Pakatan: Gamuda tidak layak pertikai MOU air Selangor-Pusat

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Berhad, Datuk Lin Yun Ling sama sekali tidak layak untuk bercakap tentang kesucian kontrak konsesi air di Selangor, sedangkan beliau sebenarnya hanya menginginkan keuntungan tidak munasabah untuk pemegang saham syarikat itu.

Dalam satu kenyataan bersama, Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli, Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr Dzulkefly Ahmad dan Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua berkata, Yun Ling juga bersikap hipokrit apabila mempersoalkan kewajaran Kerajaan Pusat mahu menggunakan Seksyen 114, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 114).

Kata mereka, Yun Ling sepatutnya jelas dengan terma yang terdapat di dalam perjanjian yang terdapat klausa untuk menamatkan pegangan konsesi dan membeli semula oleh Kerajaan



Oleh itu, Pakatan Rakyat (PR) menyokong penuh usaha Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Kerajaan Negeri untuk meminta Kerajaan Pusat menggunakan WSIA 114

**RAFIZI RAMLI**  
Pengarah Strategi PKR



Pusat atau Negeri dengan syarat yang wajar.

“Oleh itu, Pakatan Rakyat (PR) menyokong penuh usaha Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Kerajaan Negeri untuk meminta Kerajaan Pusat menggunakan WSIA 114 bagi menyelesaikan isu dalam penstrukturan air.

“Ini bagi membolehkan Kerajaan Pusat fokus kepada pelaburan dan meningkatkan kualiti dan kuantiti bekalan air yang disalurkan kepada pengguna,” kata mereka.



28 Mac lepas, Yun Ling melalui The Edge mempersoalkan mengapa konsep ‘persetujuan bersama pembeli dan penjual (willing buyer, willing seller) tidak diguna pakai sehingga memerlukan pengaktifan WSIA 114.

Bagaimanapun, pemimpin PR berkata, Yun Ling sebenarnya bukan mahu urusan dijalankan melalui persetujuan bersama pembeli dan penjual, sebaliknya dia mahukan urusan itu dilakukan secara memeras pembeli (delirious seller, extorted buyer deal).

“Malah, polisi ‘willing buyer, willing seller’ juga pernah digunakan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih pegangan konsesi air di Selangor selama enam tahun, namun tidak berjaya.

“Gamuda yang sebenarnya menekan rakyat apabila tidak mahu menerima tawaran tinggi daripada Kerajaan Negeri sebelum ini hingga menyebabkan rakyat menghadapi krisis air dan ini perlu diselesaikan segera,” kata mereka.

Dengan aktifnya WSIA, pampasan yang bakal diterima setiap syarikat konsesi dijangka RM2 bilion lebih rendah berbanding harga yang pernah ditawarkan Kerajaan Negeri.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menawarkan pampasan RM 9.65 bilion kepada syarikat konsesi, namun hanya syarikat Abbas yang menerima tawaran sementara tiga yang lain; Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Puncak Niaga termasuk Splash tidak bersetuju.

## Lima kelab sukan bakal terima rangsangan RM1.8 juta

**SHAH ALAM** - Lima kelab sukan bakal menerima rangsangan RM1.8 juta daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) sebagai galakan melahirkan atlet berbakat dalam sukan boling, badminton, renang, lumba basikal dan bola sepak.

Lima kelab sukan terlibat, Kelab Boling Seintak, J.World (badminton), Sekolah Renang Supersharkz, Persatuan Lumba Basikal Selangor dan Sukan Munro (Bola Sepak), memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan anak syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad bagi tujuan itu, baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Perangsang Selangor, Raja Idris Raja



**Dr Yunus, Raja Idris dan Suhaimi Kamaralzaman, bersama melancarkan bunting, Rangsangan Sukan Selangor**

Kamaruddin, suntikan dana itu akan disalurkan melalui Kem Pembangunan Bakat Sukan dan Pasukan Elit, yang dilaksanakan

lengkap dengan 1,090 pelatih dalam lima sukan sasaran.

Semua perbelanjaan bimbingan, latihan, peralatan dan

pakaian sukan akan ditaja Perangsang Selangor.

“Kami kenal pasti lima sukan paling popular dalam negara, dan Selangor punya potensi untuk diwakili bakat muda melalui Kem Pembangunan Bakat Sukan dan Pasukan Elit.

“Kami juga akan terus mengenali pasti remaja berbakat untuk sukan lain,” kata Raja Idris.

Pelaksanaan Kem Pembangunan Bakat Sukan merangkumi pemilihan, latihan dan pembangunan ahli-ahli sukan muda berumur antara 9 sehingga 12 tahun oleh jurulatih profesional.

Manakala ahli-ahli sukan berpotensi akan dilatih dan diserapkan ke dalam Pasukan Elit untuk menyertai pertandingan

di dalam dan luar negara.

Pasukan Elit akan diwakili 34 orang pemain boling (12-22 tahun), 12 orang pemain badminton (13-20 tahun), 15 orang perenang (15-22 tahun), 12 orang pelumba basikal (13-18 tahun) dan 33 orang pemain bola sepak (13-15 tahun).

“Perangsang Selangor juga menjalin kerjasama dengan Jawatankuasa Induk yang di pengerusikan Datuk Haji Emran Kadir, dan juga menaja RM100,000.00 untuk setiap kejohanan, iaitu Piala Kejohanan DYTMM Raja Muda Selangor di bawah umur 12 tahun dan Piala Kejohanan Ghani Mokhtar di bawah umur 16 tahun,” jelas Raja Idris.